

CNS1498

U GB 01-06 00177 BA305

Bah

Mahathir - PAS

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Pemimpin PAS secara menyeluruh hendaklah menunjukkan sikap jujur dan menghentikan segala kecaman jika ia benar-benar mahu berbaik-baik dengan Kerajaan Pusat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata mereka juga tidak seharusnya mempolitikkan segala usaha kerajaan Pusat di Kelantan, misalnya pemberian baja.

Kecaman itu termasuklah dakwaan kononnya kerajaan tidak boleh membasmi kemiskinan kerana ia sudah ditakdirkan Tuhan dan kononnya wawasan 2020 adalah karut, katanya ketika bercakap dengan pemberita selepas merasmikan secara serentak Kompleks Studio Merdeka Finas dan Pesta Filem Malaysia ke-9, di Hulu Klang, dekat sini.

+Dia kena tunjuk kejujurannya secara menyeluruh. Umpamanya apabila kita nak beri bantuan pembangunan, orang PAS di kampung kata kita terpaksa juga beri, apa nak takut... undilah PAS, kerana tak dapat tidak kerajaan pusat kena bagi. Jadi ini jadi isu politik,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tindakan PAS memberhentikan perkhidmatan penghulu menyebabkan kerajaan Pusat sukar untuk menyerahkan bantuan baja kepada penduduk di Kelantan. -- Lagi.

♥01/06/16-18MST

CNS1501

U GB 01-06 00134 BA306

Bah

Mahathir - PAS 2 Kuala Lumpur

Apabila ditanya mengenai hasrat Menteri Besar Kelantan Haji Nik Aziz Nik Mat untuk membalas kunjungan Perdana Menteri ke Kelantan pada Khamis lepas, Datuk Seri Dr Mahathir cuma menjawab: +Insyallah+.

Beliau kemudian diminta mengulas tindakan PAS tidak membenarkan wartawan beberapa akhbar membuat liputan Muktamar Agung parti itu yang sedang berlangsung di Taman Melawar dekat sini.

+Itu belum berkuasa lagi, cuma dalam muktamar. Kalau mereka jadi kerajaan pusat, mereka tutup semua akhbar... anda semua tak ada kerja,+ katanya.

Apabila ditanya kononnya Perdana Menteri Jepun Toshiki Kaifu telah menolak cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Datuk Seri Dr Mahathir berkata lebih baik jika dikurangkan bercakap tentang perkara itu asalkan usaha dijalankan terus untuk mencapai matlamatnya. -- Bernama.

♥01/06/16-20MST